

15 MAR 2003

Ling-India/I

DR LING HARAP INDIA TIDAK AMBIL TINDAKAN TERGESA-GESA

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berharap kerajaan India akan menunggu hasil siasatan penuh terhadap dakwaan polis mengasari sekumpulan profesional IT rakyat India dalam satu operasi di sini, sebelum mengambil sebarang tindakan.

Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai mengemukakan laporan pada Isnin dan Dr Ling berharap pihak berkuasa India boleh bersabar.

Diharapkan India akan tunggu tanpa tergesa-gesa mengambil sebarang tindakan memandangkan hubungan antara kedua-dua Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Atal Bihari Vajpayee) juga sangat baik, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Ling ditanya mengenai laporan dari New Delhi semalam bahawa pihak berkuasa India yang marah ekoran dakwaan kumpulan profesional itu dikasari telah merancang untuk membatalkan semua lawatan dua hala, menghentikan hak tambahan pendaratan kepada Penerbangan Malaysia dan langkah-langkah lain yang akan menjejaskan Malaysia.

Hindustan Times melaporkan bahawa India turut menyenaraikan untuk mengeluarkan syarikat Malaysia daripada menyertai projek pembinaan jalan dan membekukan import minyak sawit.

Dr Ling berkata hak mendarat bagi Penerbangan Malaysia terutama tambahan pendaratan ke Mumbai telah dirundingkan dan dipersetujui dua bulan lepas antara beliau dan rakan sejawatannya di India.

Oleh itu beliau berharap India tidak mengambil tindakan tergesa-gesa untuk menggantung hak itu dan menjejaskan usaha baik kedua-dua pihak selama ini.

Dalam kejadian Ahad lepas, polis menyerbu empat blok kondominium Palm Court di Brickfields dan menahan 165 warga India yang dipercayai bekerja secara haram di negara ini.

Selepas menyoal siasat warganegara India yang kebanyakannya bekerja di Koridor Raya Multimedia (MSC), polis telah membebaskan mereka kecuali enam rakyat India dan tiga rakyat Pakistan.

Bagaimanapun, warganegara India itu melaporkan kepada Suruhanjaya Tinggi India di sini bahawa mereka telah dikasari oleh anggota polis semasa serbuan itu.

-- BERNAMA

AT KHY RON